

**Syor Dr. Mahathir relevan – Ahmad Zahid**  
**Utusan Online**  
**30 Mac, 2012**

BAGAN DATOH 29 Mac – Cadangan Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya UMNO membuka peluang kepada golongan profesional sebagai calon Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 adalah relevan dengan senario politik semasa.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, cadangan bekas Perdana Menteri itu adalah seiring kecenderungan pengundi memilih wakil rakyat yang mempunyai pengalaman serta latar belakang pendidikan dalam segenap bidang.

“Cadangan Tun Mahathir juga sesuai dengan tuntutan supaya UMNO dan BN mempunyai calon yang bukan sahaja mempunyai kewibawaan, tetapi juga berupaya memberi khidmat secara profesional kepada rakyat.

“Tentunya menjadi satu kerugian jika golongan ini tidak diketengahkan. Dalam UMNO dan BN sebenarnya mempunyai ramai golongan profesional untuk diberi peluang bertanding tetapi tidak salah untuk kita ketengahkan orang luar jika mampu beri kita kemenangan,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan Datoh berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Netbook 1Malaysia Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di Sekolah Hutan Melintang di sini hari ini.

Laporan akhbar hari ini memetik kenyataan Dr. Mahathir bahawa UMNO wajar membuat pertimbangan untuk membuka peluang kepada golongan profesional sebagai calon BN pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Dr. Mahathir berkata, peluang BN untuk menang dengan majoriti dua pertiga pada pilihan raya akan datang lebih cerah jika peluang menjadi calon BN dibuka kepada orang daripada luar parti.

Ahmad Zahid berkata, beliau yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sudah pun mengenal pasti golongan profesional yang boleh untuk dicalonkan sebagai antara strategi penting dalam PRU-13 kelak.

Ditanya sama ada pemilihan orang luar akan menimbulkan perbalahan dalam BN, Ahmad Zahid berkata, pemimpin serta anggota BN wajar mendukung aspirasi parti kerana kemenangan sepatutnya menjadi pertimbangan utama.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0330&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0330&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)